

ULASAN PERUTUSAN Y. BHG. DATO' HAJAH ROSNANI BINTI IBARAHIM
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA
SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN JAS BIL 3/2008
PADA 27 MEI 2008 (SELASA)

Y. Bhg. Dato' mengucapkan salam dan sejahtera kepada semua yang hadir pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Alam Sekitar pada pagi ini.

Beliau menyeru kepada semua warga JAS supaya bersyukur dengan apa yang telah diumumkan oleh Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini sempena Perhimpunan Hari Pekerja Sektor Awam yang telah diadakan pada 10 Mei 2008 yang lalu bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Menurut beliau, para penjawat awam dan para pesara hari ini menerima '**hadiah besar**' yang pasti menggembirakan apabila Kerajaan mengumumkan beberapa pemberian insentif yang pastinya akan memberi manfaat kepada kita semua. Antaranya, Kerajaan bersetuju melaksanakan dua dasar pemberian pencen iaitu :-

- i) menghitung pencen mengikut formula berasaskan tempoh perkhidmatan sehingga maksimum 30 tahun; dan
- ii) menghapuskan syarat penyusutan pencen terbitan.

Menurut beliau lagi, umur pesaraan kakitangan awam juga telah dilanjutkan daripada 56 tahun kepada 58 tahun dan menambah baik Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) terutama dari segi kaedah pelaksanaannya.

Dasar baru pemberian pencen yang melibatkan sejumlah 310,000 pesara berkuatkuasa mulai 1 Januari 2009, manakala pelanjutan umur berkuatkuasa 1 Julai ini. Di samping itu, Kerajaan juga bersetuju untuk menghitung pencen mengikut formula berasaskan tempoh perkhidmatan sehingga maksimum 30 tahun bagi semua pesara. Sebelum ini, pencen kakitangan dan pegawai awam dihitung dengan mengambil kira tempoh perkhidmatan sehingga maksimum 25 tahun. Kedua-dua dasar baru mengenai pencen ini akan menelan belanja tambahan sebanyak RM 718 juta setahun.

Beliau juga menyentuh mengenai dengan keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) mengenai kes Pulau Batu Putih, Batuan Tengah dan Tubir Selatan. Sebagai penjawat awam, beberapa iktibar boleh diambil daripada kes ini. Di sini, beliau mengaitkan mengenai dengan pengendalian dokumen-dokumen jabatan terutama fail-fail sulit dan rahsia yang kurang diberi penekanan. Fail-fail ini mestilah sentiasa diuruskan secara teratur bagi memastikan dokumen-dokumen dalam fail tersebut terpelihara. Ianya berupa dokumen rasmi dan bahan rujukan penting di masa hadapan. Selain daripada itu, yang juga cukup penting ialah supaya tindak tanduk penjawat awam hendaklah dilaksanakan dengan penuh berhati-hati dan dalam keadaan sentiasa menjaga kepentingan negara kerana setiap tindakan ini mempunyai implikasi-implikasi jangka masa panjang sama ada baik atau sebaliknya.

Selain itu, beliau juga menyentuh mengenai urusan menjawab panggilan telefon. Beliau ada menerima aduan yang mengatakan bahawa terdapat segelintir pegawai dan kakitangan JAS yang tidak memberikan layanan sepenuhnya kepada orang ramai yang berurusan dengan JAS melalui telefon. Kadangkala cara menjawab panggilan

adalah kurang sopan dan terdapat juga yang langsung tidak menjawab panggilan tersebut. Sekiranya panggilan atau aduan yang diterima daripada orang ramai itu bukan merupakan bidang tugas kita, kita tidak boleh terus mengatakan '*tidak tahu*', sebaliknya perkara itu akan diambil maklum dan ditujukan kepada pegawai yang berkenaan. Panggilan hendaklah dijawab selewat-lewatnya pada deringan ketiga. Selain itu, sekiranya pegawai dan kakitangan itu tiada, bercuti atau berkursus, pegawai dan kakitangan lain yang menggantikan tugas bolehlah menjawab panggilan bagi pihak pegawai dan kakitangan tersebut. Persoalan, pertanyaan atau aduan yang dikemukakan akan dicatat dan dimaklumkan terus kepada pegawai dan kakitangan berkenaan sebaik sahaja datang bertugas semula atau terus menghubungi pegawai dan berkenaan melalui telefon bimbit. Orang ramai adalah pelanggan kita dan seharusnya mereka ini dilayan dengan sebaiknya.

Selain, itu beliau juga menyarankan supaya langkah berjimat cermat dan kawalan perbelanjaan jabatan diambil terutama bagi perkara-perkara berikut:-

Elaun Lebih Masa

Perbelanjaan bagi kerja lebih masa hendaklah dikawal. Pengarah bahagian dan pegawai yang mengarahkan kerja lebih masa hendaklah berpuas hati bahawa kerja lebih masa itu benar-benar mustahak untuk disiapkan atau dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Semua arahan kerja lebih masa hendaklah dikeluarkan secara bertulis sebelum sesuatu tempoh kerja lebih masa dimulakan.

Perjalanan Di Dalam Negeri

Perbelanjaan bagi perjalanan di dalam negeri hendaklah dihadkan kepada perjalanan yang benar-benar perlu sahaja dengan bilangan pegawai yang minima dan cara perjalanan yang menjimatkan, tertakluk kepada jumlah peruntukan yang telah diluluskan.

Penganjuran Persidangan/Seminar/Pameran/Mesyuarat/ Kursus/Bengkel/Retreat – Tempatan/Antarabangsa

Penganjuran persidangan /seminar/ pameran/ mesyuarat/ kursus/ bengkel/ *retreat* hendaklah dihadkan kepada yang perlu sahaja dan hendaklah diadakan dengan keutamaan diberi kepada premis Kerajaan kecuali bagi persidangan/ seminar/ pameran/ mesyuarat antarabangsa yang melibatkan bilangan peserta yang lebih besar dan memerlukan kemudahan logistik yang lebih baik. Perbelanjaan yang digunakan dalam penganjuran persidangan/ seminar/ pameran/ mesyuarat/ kursus/ bengkel/ *retreat* tersebut hendaklah secara sederhana pada kadar yang diluluskan Kerajaan dan tanpa perbelanjaan yang keterlaluan untuk perhiasan, acara persembahan, cenderamata dan jamuan makan.

Penganjuran Acara Majlis / Upacara Keraian

Sebarang penganjuran majlis/ upacara keraian seperti perasmian, penganugerahan dan pelancaran program hendaklah secara sederhana dan perbelanjaan yang terlibat dihadkan kepada yang benar-benar penting dan tidak melibatkan perbelanjaan yang besar seperti mengadakan sambutan besar – besaran.

Mengenai perbelanjaan pembangunan, beliau menyatakan perbelanjaan masih lagi rendah walaupun sudah memasuki pertengahan tahun. Justeru, beliau meminta supaya Pengarah-Pengarah dan Pegawai Pelaksana Projek mengambil tindakan sewajarnya mengenai perkara ini.

Di akhir ucapan, beliau mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada Perhimpunan Bulanan pagi ini.

27 MEI 2008 (SELASA)